

GOTONG ROYONG MEMBERSIHKAN BILIK GURU

Tarikh:	5/1/09 hingga 9/1/09
Hari:	Isnin hingga Jumaat
Masa:	2.00 p.m hingga 4.00 petang
Sasaran:	Semua guru

ARAHAN:

1. Gotong-royong mengemas bilik guru akan diadakan **pada hari Isnin (5/1/09) hingga Jumaat (9/1/09) bermula jam 2.00 p.m hingga 4.00 p.m (mengikut kelapangan guru).**
2. Semua guru **WAJIB** terlibat bagi memudahkan urusan mengemas. Kerjasama semua amat dihargai.
3. Semua guru perlu mengasingkan semua barang-barang penting. Barang-barang yang tidak diperlukan lagi hendaklah dibuang terus ke dalam tong sampah atau kitar semula yang disediakan.
4. Barang/ Bahan yang tidak mempunyai tuan dan dianggap tidak penting akan dibuang semasa gotong-royong dijalankan.
5. Folio/ Kerja kursus yang dianggap masih diperlukan/ penting **perlu disimpan di Bilik Khas seperti bilik Matematik, Makmal KH, Makmal Sains, Bilik Sukan, almari panitia dan sebagainya.**
6. Setiap guru hanya dibenarkan memiliki hanya **SATU** sahaja meja dan kabinet laci kelabu yang perlu diletakkan di bawah meja. **Tidak dibenarkan** meletakkan cabinet laci kelabu tersebut di **tepi meja (terutama bagi semua guru yang duduk di bahagian tepi)** kerana nampak tidak kemas. **Harap mendapat kerjasama semua guru.**
7. Rak coklat dan rak kelabu perlu dikosongkan luar dan dalam. Rak-rak tersebut akan disusun semula oleh AJK dan akan diagihkan kemudian.
8. Peti ais: Perlu sentiasa bersih. Pastikan minuman/makanan disimpan dengan kemas dan teratur di dalam peti ais. Makanan/Minuman yang tidak bertuan akan dibuang.
9. Tempat duduk: Mengikut keselesaan (seperti yang telah ditetapkan).
10. **Semua guru diminta mengikut arahan dan memberikan kerjasama yang dinyatakan/berikan bagi keselesaan dan kemudahan semua.**
11. Kerjasama daripada semua guru didahului dengan ucapan **TERIMA KASIH. MOHON MAAF** andaikata ada ketidakpuasan hati dikalangan semua guru. AJK hanya menjalankan tugas.